

TAWARAN PERMOHONAN PROGRAM IJAZAH SARJANA KAUNSELING (PENYALAHGUNAAN DADAH) [SPADA], KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuka tawaran permohonan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang sedang berkhidmat dengan KPM terutamanya kepada guru bimbingan dan kaunseling atau PPP yang mempunyai pengalaman secara khusus dalam bidang bimbingan dan kaunseling untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) [SPADA] tahun 2019.

Program SPADA bertujuan melahirkan guru terlatih dan berkepakaran dalam menangani masalah di kalangan pelajar terutamanya melibatkan penyalahgunaan dadah di sekolah. Fokus pengajian program ini memberi penekanan kepada **elemen pencegahan** dadah. Kursus ini akan dikendalikan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) secara sepenuh masa dan dijangka akan bermula pada **September 2019 selama 24 bulan (4 Semester)**.

Sehubungan itu, PPP yang berminat dan berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh memuat turun dan mengisi borang permohonan dengan lengkap sebelum dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan (BBP) **sebelum atau pada 7 Mei 2019 (Selasa)**.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
11 April 2019